

Laluan ke ICT global

Oleh ABDUL RAHIM ANUAR

KONGRES Dunia Teknologi Maklumat (WCIT) yang diadakan pada 18-22 Mac di Kuala Lumpur merupakan forum perdana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) peringkat global.

WCIT 2008 dianjurkan bersama oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) serta disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

Ketiga-tiga agensi adalah pelaku utama dalam menjana dan menentu hala tuju pembangunan industri ICT negara.

WCIT yang dianjurkan sekali dalam tempoh dua tahun adalah pentas perbincangan di kalangan pelaku ICT bisnes, kerajaan dan akademia. Mereka membincangkan dampak ICT ke atas pembangunan sosial, bisnes, dan ekonomi di peringkat global dan serantau.

Kali ini temanya ialah Dampak Global ICT: Memajukan Bisnes, Memberi Kuasa kepada Masyarakat, Mengayakan Ekonomi.



MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Maximus Ongkili (depan, tengah) bergambar bersama-sama wakil 41 rakan strategik baru Kongres Dunia Ke-16 mengenai Teknologi Maklumat (WCIT) 2008 selepas menyaksikan penyerahan dokumen perjanjian WCIT di Petaling Jaya, baru-baru ini.

- Bernama

Industri ICT adalah penjana pertumbuhan ekonomi negara pada dekad 1990-an dan

dekad 2000-an. Ia menjadi asas pembentukan laluan ke arah pembangunan k-ekonomi dan melahirkan masyarakat berpengetahuan pada masa depan

Pembangunan industri ICT negara bermula dengan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1996. Sumbangan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak boleh dinafikan dalam industri ICT.

Sejak itu, MSC yang ditadbir urus oleh MDeC dan industri ICT berkembang pesat sehingga pada hari.

Pikom menyasarkan industri ICT bakal mengekalkan pertumbuhan dua digitnya iaitu antara 12 peratus dan 13 peratus sepanjang tahun ini.

Sumbangan MDeC dalam k-ekonomi negara sejak ditubuhkan pada 1996, boleh dicerminkan oleh kemajuan MSC dan perkembangan industri ICT negara. Kini, terdapat kira-kira 2,006 syarikat status-MSC berbanding 94 syarikat pada tahun 1997.

Daripada 2,006 syarikat status-MSC itu, 112 daripadanya adalah bertaraf global seperti Alcatel, Dell, Ericsson, Fujitsu, Intel, Motorola, NTT dan Sun Microsystems.

Syarikat status-MSC tempatan dan multinasional itu telah menjana hasil kira-kira RM13 bilion dan menyediakan sejumlah 63,000 peluang pekerjaan yang berasaskan pengetahuan.

Eksport produk ICT pula adalah kira-kira RM5 bilion setiap tahun. Malah, Malaysia adalah antara pengeksport utama dunia dalam produk ICT. Dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D) ICT, syarikat status-MSC menyumbang hampir RM1 bilion bagi meningkatkan kemajuan penciptaan teknologi

tempatan supaya industrinya lebih berdaya saing di peringkat global.

Selain itu, MDeC juga telah mewujudkan bandar siber dan pusat siber bagi mengukuh lagi infrastruktur dan infostruktur ICT negara. Kini terdapat enam bandar siber.

Tiga daripadanya adalah di koridor MSC iaitu Cyberjaya Flagship Zone, Kuala Lumpur City Centre, Technology Park Malaysia, dan UPM-MTDC.

Membangunkan

Manakala dua bandar siber lagi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) iaitu Penang Cybercity dan Kulim High Tech Park (Kedah). Pusat siber pula ialah di KL Sentral, Melaka International Trade Centre dan Menara MSC Cyberport.

Di samping bandar siber dan pusat siber, kerajaan juga membangunkan prasarana ICT di luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sebanyak 217 *telecentre* dibangunkan yang terdiri daripada 42 Pusat Internet Desa, 39 Medan Info Desa, 58 Pusat Akses Komuniti dan 75 Kelas Literasi Komputer.

Telecentre itu akan memberi upaya komuniti luar bandar untuk mendapat

akses dan menggunakan maklumat bagi meningkatkan taraf sosial dan ekonomi mereka.

Dari segi sistem penyampaian kerajaan kepada masyarakat dalam ICT, aplikasi perdana MSC seperti kerajaan elektronik, kad pintar MyKad, sekolah bes-tari, dan telekesihatan dipergiatkan lagi. Malah, ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia menyatakan kad pintar MyKad jelas menunjukkan penggunaannya yang efisien dan teknologi tersebut tidak dapat dilihat di negara lain. Teknologi MyKad Malaysia boleh diguna pakai oleh negara lain untuk dimanfaatkan bersama.

Kejayaan empat aplikasi perdana itu telah mendorong kerajaan untuk menimbang pembentukan dua aplikasi perdana MSC Malaysia baru yang memfokus kepada inovasi selain daripada R&D. Dua aplikasi perdana MSC baru itu akan menumpu dalam bidang pertanian dan pengurusan sumber tenaga.

Bagaimanapun, akses kepada infrastruktur ICT adalah masih rendah di Malaysia. Berdasarkan maklumat RMK-9, dari segi Internet (*dial-up*), bagi setiap 100 orang, seramai 17 orang yang dapat akses kepada perkhidmatan itu pada tahun 2005.

Langganan Internet jalur lebar juga menunjukkan kadar liputan yang rendah

pada tahun 2005, bagi setiap 100 populasi, dua orang yang mempunyai perkhidmatan itu. Bagi komputer peribadi, setiap 100 populasi, 22 orang yang mempunyai komputer pada tahun 2005.

Bagi menangani isu jurang digital itu, kerajaan telah mengumumkan pelan jalur lebar yang baru bagi meningkatkan kelajuan akses Internet dan kadar penembusan jalur lebar di negara ini. Sasaran penembusan jalur lebar adalah 50 peratus menjelang 2010.

MSC dan industri ICT memberi sumbangan yang signifikan dalam ekonomi negara dan global dari aspek pengeluaran, pekerjaan, pelaburan langsung asing, dan perdagangan antarabangsa.

Industri ICT adalah penjana pertumbuhan ekonomi negara pada dekad 1990-an dan dekad 2000-an. Ia menjadi asas pembentukan laluan ke arah pembangunan k-ekonomi dan melahirkan masyarakat berpengetahuan yang pada masa depannya akan memfokus kepada inovasi dan sebagai pelaku utama di persada dunia ICT.

□ **PENULIS** ialah Profesor Madya di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.